

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[ LEDANG ]**

**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan dan langkah diambil Kementerian dalam mengurus isu pemerdagangan kemiskinan yang sering mencetuskan pelbagai respon kepada rakyat dan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui agensi-agensinya seperti Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan BERNAMA sentiasa melaksanakan hebahan maklumat yang sahih dalam memberi penjelasan mengenai usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif Kerajaan yang telah dilaksanakan dalam menangani dan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat bagi memastikan maklumat tersebut sampai kepada masyarakat umum sehingga ke akar umbi. Kementerian juga memberi kerjasama penuh dari segi promosi dan publisiti berkaitan apa-apa program yang diatur oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan dengan isu tersebut.

Langkah-langkah yang telah diambil termasuklah:

- a. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021, JaPen telah menghebahkan sebanyak 384 hantaran (*posting*) mengenai inisiatif-inisiatif Kerajaan merangkumi infografik, video dan kenyataan media daripada BERNAMA, RTM dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain di media sosial rasmi JaPen (*Facebook, Instagram, Twitter, Youtube*). Daripada jumlah *posting* tersebut, sebanyak 69 infografik dan 40 videografik telah dihasilkan oleh JaPen;
- b. BERNAMA, terus mengutamakan pelbagai laporan berita, rencana, temu bual khas dan program bual bicara termasuk isu pemerdagangan kemiskinan dalam program temu bual radio dan televisyen antaranya Ruang Bicara, Jendela Fikir dan Kita Jaga Kita dengan ahli panel terdiri daripada Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam memberi bantuan kepada golongan sasaran. Turut diketengahkan adalah Ahli Akademik yang membuat kajian mengenai isu pemerdagangan kemiskinan dan dihebahkan menerusi platform

## SOALAN NO : 20

konvensional dan media sosial BERNAMA serta saluran televisyen Bernama TV dan Bernama Radio; dan

- c. Sepanjang April hingga Ogos 2021, RTM menerusi platform media sosial rasminya iaitu *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* menyiarkan 246 laporan berkaitan bantuan yang kerajaan hulurkan bagi membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19. RTM tidak memberi promosi kepada mana-mana pihak, sama ada kerajaan, swasta mahupun Badan Bukan Kerajaan (NGO), tanpa bukti yang aktiviti tersebut telah dilaksanakan dan impak serta kesan dirasakan oleh pihak yang menerima. Dalam pada itu RTM juga mengadakan program bual bicara di tv dan radio dengan menjemput panel-panel membincangkan langkah-langkah dan kaedah bantuan yang disediakan oleh kerajaan bagi membantu golongan yang terkesan akibat COVID-19.

Penyiaran laporan berkaitan kemiskinan yang dibuat oleh KKMM melalui agensi-agensinya bukanlah bertujuan untuk pemerdagangan kemiskinan bagi mendapatkan keuntungan atau faedah kepada Kerajaan. Sebaliknya laporan dibuat bertujuan menceritakan situasi semasa serta tindakan yang boleh dicadangkan serta diambil, sekaligus membuktikan kerajaan tidak pernah meminggirkan mana-mana pihak terutama rakyat yang memerlukan bantuan akibat pandemik COVID-19 yang sedang melanda seluruh dunia ketika ini. Ia juga memberi gambaran perlunya semua pihak menghulurkan bantuan dan mengambil perhatian bahawa pandemik ini memberi kesan kepada semua.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN  
[ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pengambilan guru secara *one-off* yang dicadangkan oleh kementerian dan apakah mekanisme yang dilaksanakan oleh Kementerian berkenaan status guru yang memohon untuk mengajar di kampung halaman.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada 20 Jun 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan Pengambilan Khas seramai 18,702 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 secara *one-off* bagi mengisi kekosongan guru di sekolah KPM. Urusan pengambilan PPP ini adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik.

## SOALAN NO : 21

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pengambilan *one-off* ini telah bermula pada 7 Julai 2021 dan dijangka selesai pada bulan Disember 2021.

Berkaitan dengan permohonan pertukaran guru, KPM akan mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) berkaitan pelaksanaan permohonan pertukaran pegawai perkhidmatan pendidikan bagi menggantikan SPI Bil. 3/75: Panduan Bagi Pertukaran Guru-Guru dan SPI Bil. 1/1978: Tarikh Bagi Pertukaran Guru-Guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan permohonan pertukaran guru dibuat berdasarkan:

- i. kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran di negeri atau daerah yang dimohon;
- ii. kepentingan dan keperluan perkhidmatan;
- iii. faktor kesihatan, keselamatan dan pasangan berjauhan; dan
- iv. tempoh perkhidmatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
[ BESUT ]**

**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan strategi yang telah diambil dalam memastikan pedagogi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dilaksanakan sebaiknya, khasnya dalam melatih guru-guru, menyepadukan buku teks digital, video pengajaran dan sebagainya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada sistem persekolahan. Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka menjadi lebih singkat apabila sekolah ditutup bagi membendung penularan COVID-19. Dalam tempoh tersebut, KPM telah menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru dan murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memantau pelaksanaan intervensi untuk memastikan keberkesanan PdPR bagi memperkasakan kompetensi guru dalam PdP. Perancangan ini dilakukan melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) pada tahun 2014 dan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) pada tahun 2016. Mengambil kira situasi pandemik COVID-19, kedua-dua pelan ini telah diselaras semula untuk memantapkan ilmu, kemahiran dan sikap guru terhadap cabaran pembelajaran abad ke-21 yang menjurus ke arah pembelajaran secara digital melalui kursus, webinar dan bengkel secara dalam talian.

Berdasarkan statistik dalam Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia (SPLKPM), sehingga September 2021, sebanyak 12,048 aktiviti Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) berkaitan PdPR dan 1,949 PPB berkaitan Digital/ICT telah direkodkan. Melalui aktiviti ini, seramai 84 peratus atau 352,845 guru telah mengikuti PPB dan jumlah ini dijangka akan terus meningkat sehingga akhir tahun 2021. KPM juga, melalui Institut Pendidikan Guru

## SOALAN NO: 22

Malaysia (IPGM) dan IPG Kampus di seluruh negara, telah menyediakan sebanyak 337 latihan berkaitan teknologi digital sehingga Julai 2021.

Di samping itu, KPM melaksanakan khidmat bantu pengintegrasian teknologi pendidikan kepada guru secara berterusan melalui aktiviti perkongsian video, e-kelas, webinar dan tutorial berkaitan dengan kaedah dan pendekatan penggunaan teknologi digital dalam penyampaian PdP yang berkesan. KPM juga memberikan insentif kepada guru-guru yang aktif menggunakan teknologi digital dalam PdP melalui pemberian baucar percuma untuk mengikuti pensijilan *DELIMa Certified Training Programme (DCTP)*. Selain itu, pengiktirafan kepada guru turut diberikan melalui program seperti *Microsoft Innovative Educator (MIE)*, *Microsoft Office Specialist Certification (MOS)* dan *Apple Teacher Leader*.

KPM telah mengambil langkah untuk membangunkan kaedah pembelajaran alaf baharu seperti *flipped classroom*, *learning station*, *project-based learning* (pembelajaran berasaskan projek), *differentiated learning* (pembelajaran terbeza) dan *blended learning* (pembelajaran teradun). Pembangunan kaedah pembelajaran ini disokong dengan pelibatan guru-guru cemerlang sebagai pembimbing dan mentor kepada warga guru dalam melaksanakan PdPR digital yang berkesan.

KPM turut menambah lebih banyak bahan PdP melalui pelantar Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa). Pelantar ini merupakan pusat rujukan sehenti yang mengandungi pelbagai aplikasi, perkhidmatan dan sumber pendidikan digital seperti buku teks digital, video pendidikan, kuiz dan permainan pendidikan bagi tujuan PdP yang



## SOALAN NO: 22

boleh digunakan oleh guru, murid dan ibu bapa. Sehingga September 2021, KPM telah menyediakan 3,245 video kurikulum, 324 video pedagogi dan 1,761 video DidikTV KPM. Selain itu, sebanyak 631 buah buku teks digital telah dimuat naik berbanding 485 buah pada bulan Oktober 2020. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 30.1 peratus.

Mulai Ogos 2021, KPM juga telah menaik taraf dan menambah baik pelantar DELIMa (DELIMa 2.0) dengan fitur baharu bagi meningkatkan pengalaman pengguna, analitis data, kandungan dan pembelajaran diperibadikan. Semua kemudahan yang disediakan dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan memperluas peluang murid untuk belajar, meningkatkan motivasi dan prestasi bagi membangunkan potensi serta bakat mereka secara menyeluruh. Murid juga berupaya melaksanakan pembelajaran aktif secara sendiri melalui akses kandungan pembelajaran dalam pelbagai format yang disediakan. Pelantar DELIMa telah mendapat tahap penerimaan yang tinggi daripada guru dan murid. Berdasarkan data pada Ogos 2021, seramai 354,445 guru dan 2.25 juta murid menggunakan pelantar DELIMa secara aktif bagi tujuan PdP dalam talian. Ini merupakan satu peningkatan yang amat memberangsangkan jika dibandingkan dengan penggunaan pada bulan Ogos 2020 iaitu hanya seramai 143,855 guru dan 587,198 murid.

Selain daripada pelantar pembelajaran secara maya, PdP turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan di TV Okey RTM, Tutor TV Astro dan menerusi DidikTV KPM. Saluran DidikTV KPM yang bersiaran bermula jam 7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam, menyiarkan rancangan yang berteraskan kurikulum, kokurikulum, didik hiburan (*edutainment*) dan pembelajaran sepanjang hayat. Siaran ini dapat

## SOALAN NO: 22

diikuti oleh murid seluruh negara daripada tahap prasekolah, tahap 1, tahap 2, menengah rendah dan menengah atas mengikut masa jadual siaran yang ditetapkan. Pengisian rancangan yang disampaikan akan mencakupi kandungan kurikulum mata pelajaran yang masih belum dipelajari oleh murid supaya murid dapat menguasai standard pembelajaran yang telah ditetapkan dalam kurikulum.

Bagi membantu murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai, guru mengambil inisiatif untuk melaksanakan PdP secara luar talian melalui penggunaan buku teks. Manakala buku aktiviti pula boleh digunakan untuk membuat latihan ulangkaji. Selain itu, guru menyediakan modul pembelajaran dan membuat serahan bahan tersebut kepada murid. Guru juga mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Kesemua strategi dan intervensi yang dilaksanakan bertujuan untuk memastikan murid tidak tercicir dan dapat mengikuti pembelajaran serta akses pembelajaran yang berkualiti agar mereka terus berupaya berdaya saing dalam era ekonomi digital.